

# Kahwin dan Masyarakat Berumahtangga

## Memasuki Kehidupan Berumahtangga

[Kupasan yang berharga ini, kami ambil patinya dari buah kalam Al-Ustādh Naṣr al-Dīn Laṭīf, seorang yang ahli dalam soal nikah cerai, dan juga menjadi Ketua Jabatan Hal Ehwal Agama, Jakartaraya, yang pernah melawat dan bersyarah di Singapura. – P.Q]

Melakukan akad nikah bukanlah suatu perkara yang sukar dan susah. Buktinya beribu-ribu dan berjuta-juta pasangan yang berkahwin pada tiap-tiap tahun di atas muka bumi. Bermacam-macam ragam corak, upacara dan keramaian yang diadakan orang untuk pengembiraan hari perkahwinan dan pertemuan yang meriah itu ..., dan semuanya adalah laksana suada raban yang turut mengantarkan kedua pengantin muda ke pintu kehidupan yang baharu bagi mereka.

Setelah majlis yang permai itu selesai ... segala tetamu dan sahabat kenalan yang ikut meramaikan dan mengaturkan “ucapan selamat” pulang ke tempat masing-masing, tinggallah kedua pengantin itu untuk meneruskan kehidupan berumahtangga yang sebenarnya.

### **Nikah ialah suatu perjanjian**

Tujuan nikah yang telah terikat dihadapan tuan Kadi atau Imam, boleh dikatakan, hampir sama sifatnya dengan menandatangani suatu persetujuan untuk mendirikan sebuah gedung. Penandatanganan itu baharu merupakan suatu perjanjian sahaja. Ada pun pekerjaan mendirikan gedung dan kehidupan rumahtangga yang sebenarnya adalah dikerjakan sesudah itu, dalam beberapa

masa, menurut tenaga dan kecekapan tangan-tangan yang mengerjakannya. Seyogialah diketahui, bahawa untuk mendirikan sebuah gedung yang kuat, atau mendirikan sebuah bangunan perkahwinan yang teguh dan berbahagia, sangat menghendaki kepandaian dan tenaga yang cukup dari pihak-pihak yang bersangkutan.

### **Kerjasama dan bantu membantu**

Dalam hal ini tak dapat dimungkiri, bahawa syarat mutlak yang pertama untuk mendirikan gedung perkahwinan yang kuat kukuh ialah bekerjasama dan bantu membantu yang ikhlas dari kedua suami isteri. Baik suami mahu pun isteri hendaklah sama-sama menginsafi bahawa usaha bersama yang menjadi sendi kehidupan berumah tangga itu, tidak akan terdapat jika masing-masing hanya kenal akan dirinya sendiri sahaja dan mementingkan kesenangan dirinya sahaja. Dalam tiap-tiap perkahwinan yang tenteram dan selamat hendaklah ada sikap “memberi dan menerima” antara kedua suami isteri.

Perkahwinan bukanlah perjalanan dan makan angin, bahkan di sana terletak “hak” yang mesti diterima dan “kewajipan” yang mesti dipenuhi. Itulah



Yang Berhormat Dato' Abdul Hamid bin Haji Jumat, Timbalan Ketua Menteri dan juga Yang Dipertua UMNO Singapura, sedang berucap dalam Mesyuarat Agung UMNO Singapura yang telah bersidang pada bulan lalu dan telah memutuskan hendak memperjuangkan Kesultanan Singapura.

sebabnya bagi memasuki kehidupan berumahtangga, selain daripada “kelengkapan zahir” yang mesti disediakan, mustahak pula “persiapan rohani” berupa jiwa yang cukup masak dan dewasa untuk memikul tanggungjawab masing-masing suami isteri, sejajar dengan kewajipan mereka pula.

#### **Rumahtangga: Sebuah Negara Kecil**

Rumahtangga dapat dimisalkan sebagai suatu “negara kecil” yang di dalamnya harus ada pembahagian pekerjaan yang teratur, supaya tiap-tiap perkara dapat

berjalan beres dan rapi. Kalau kita ambil perumpamaan pembahagian pekerjaan antara suami dan isteri di dalam sebuah rumahtangga dengan sebutan (istilah) yang lazim terpakai di dalam negara yang sebenarnya, dapatlah dikatakan bahawa si isteri memegang jawatan “Menteri Dalam Negeri”, “Menteri Pelajaran”, dan “Menteri Buruh dan Hal Ehwal Masyarakat”.

Si suami pula dalam hal ini, selain daripada menjadi “Perdana Menteri” rumahtangga, memegang juga urusan “Luar negeri”, “Pertahanan”, “Iqtisād” dan “Kerjaraya”. Atas dasar pembahagian

pekerjaan inilah diletakkan tanggungjawab masing-masing, sehingga semua bahagian merupakan kesatuan jentera yang berjalan sebagaimana mestinya.

### **Ingatlah Kita Ini Manusia**

Pokok kedua yang seyogianya diperhatikan oleh tiap-tiap suami dan isteri yang sedang (akan) memasuki kehidupan berumahtangga ialah: “pengertian yang mendalam bahawa mereka berkahwin dengan manusia”, bukannya dengan bidadari atau malaikat, yang tiada cacat celanya, dan juga bukannya dengan haiwan yang tiada berakal. Seyogianya diinsafi, tiap-tiap manusia ada mempunyai hajat dan keinginan, sekurang-kurangnya ialah keinginan mendapat layanan sebagai manusia. Umumnya tiap-tiap manusia itu ada mempunyai cacat atau kekurangan. Maka pandanglah segala itu dengan kacamata manusia dan ukuran kemanusiaan pula, bukannya dengan ukuran sebagai memandang malaikat atau bidadari yang amat indah.

### **Suami Bukan Malaikat**

Kehidupan sesudah bercampur gaul di dalam sebuah rumah, biasanya memperlihatkan di hadapan mata masing-masing beberapa hal yang tadinya belum nampak, meskipun mereka telah berkenalan atau bertunangan sekian lamanya. Kalau dahulu tunangan atau bakal suami dipandang di dalam khayal sebagai manusia yang amat sempurna cekap dan indah, .... sekarang ia akan kelihatan di dalam rumah berseluar pendek, keluar masuk dengan janggut atau misau yang belum bercukur.

### **Isteri Juga Bukan Bidadari**

Begitulah pula oleh mata si suami akan kelihatan dari sehari ke sehari bahawa gadis

pujaan jiwa yang dahulu dibayangkan sebagai anak Hawa yang cantik jelita, sekarang akan kelihatan sebagai manusia biasa, tidak secantik bidadari syurga, ia akan bersua tiap-tiap hari di dalam rumah, keluar masuk dapur dengan badan berbau asap, rambut kusut dan muka setengah muram ketika bangun tidur, tidak secantik dan seharum semasa berjumpa sebelum kahwin dahulu.

Tetapi semuanya itu tidak akan menjadi suatu kekecewaan, jika dari mulanya hati dan fikiran kita telah menyedari bahawa perkahwinan kita di dunia adalah dengan manusia ..... manusia ..... dan sekali lagi manusia. Bagaimana juapun kita berkeliling dunia hendak mencari seribu tukaran, tidaklah akan bertemu manusia yang tiada bercacat dan tiada berkurangan. Sia-sia sahaja usaha seseorang mencari barang yang tidak akan jumpai, atau memang tidak ada wujudnya dimuka bumi.

### **Memelihara Ketenteraman Fikiran**

Pokok ketiga yang seyogianya diperhatikan dan diingati oleh suami dan isteri ialah semenjak dimulakan kehidupan berumahtangga hendaklah mereka “berhati-hati melihara ketenteraman hati dan fikiran pasangannya”, jangan bersifat takbur dan jangan bersikap endah tak endah dan alpa.

### **Soal Untung Nasib**

Ada orang berkata bahawa perkahwinan itu adalah bersifat untung nasib seperti “loteri”. Menurut hemat saya, meskipun ada juga dalam perkahwinan itu sedikit sifat untung nasib, tetapi dalam sikap kita mencari untung nasib dan kebahagiaan

tidaklah boleh kita memandang sebagai loteri seratus peratus, sebab di sini ada perhitungan dan pertimbangan yang dapat ditaksir atau direka-rekakan lebih dahulu. Lebih tepat jika perkahwinan itu ditamsilkan dengan terbang memakai kapal terbang yang belum dicuba jentera dan perkakasnya. Meskipun bagaimana jua banyaknya penerbangan yang telah dilakukan sebelum itu, dan meskipun berapa jua banyaknya kejayaan-kejayaan yang telah dicapai dengan jentera baharu jenis itu ..... namun terbang dengan jentera baharu yang belum dicuba itu tetap berbahaya dan kerana itu mestilah pula disediakan payung terjun. Demikian juga dalam kehidupan perkahwinan, seyogialah berhati-hati dan selalu berpedoman dengan yang baik, supaya jangan terlanggar kepada gunung ganang kesukaran, yang sedapat-dapatnya hendaklah dielakkan sebelum perkahwinan hancur lebur.

### **Pelajaran Ilmu Perkahwinan**

Kepandaian merawat kasih sayang yang merupakan seni cinta dalam perhubungan antara suami isteri, dan ketangkasan memelihara dan menyelamatkan perkahwinan dari berbagai bahaya, pada hakikatnya adalah suatu “kepandaian yang tersendiri” dalam lapangan kehidupan itulah yang dinamakan “ilmu perkahwinan”.

Terutama kepada suami-suami, ada baiknya diperingatkan, adalah menjadi suatu kewajipan baginya dari segi akhlak dan budi pekerti, untuk mengenal isterinya sendiri dalam ertikata yang luas. Kaum perempuan itu ialah satu jenis makhluk yang ajaib, ibarat lautan yang bukan mudah untuk diduga (diukur) dasarnya. Banyak lelaki yang menjadi suami menyangka ia telah mengerti semua fikiran dan kemahuan isterinya, sampai kepada bahagian-bahagian yang kecil sekali. Tetapi kemudian

terbukti bahawa sangkaannya itu tidak betul .... dan kerana itu, kadang-kadang kegagalan dan perceraian tak dapat dielakkan lagi, sebab segala usaha untuk memperbaiki hal itu sudah terlambat datangnya.

### **Masing-Masing Hendaklah Jujur**

Pokok keempat yang menjadi sendi untuk nasib berumahtangga ialah masing-masing “hendaklah berlaku jujur dalam segala-galanya”, tiap-tiap seorang hendaklah memandang pasangannya sebagai teman hidup, tempat berunding dan bermesyuarat dengan sejujur-jujurnya, untuk memecahkan kesukaran yang menjadi kepentingan bersama.

### **Sebabnya Isteri Meragam**

Dalam kehidupan berumahtangga kerap kali terjadi seseorang isteri merasa tidak puas hati dengan usaha suaminya mencari wang, atau mencari kelebihan-kelebihan dalam kehidupan. Si isteri kadang-kadang mengeluh dalam hatinya, bahawa keadaan rumahtangga dan kemewahan hidup tentu akan jauh lebih baik dan lebih memuaskan, jika sekiranya si suami mahu membanting tulang lebih keras atau lebih berani meminta kenaikan pangkat dan gaji di pejabatnya. Apalagi kalau kebetulan si isteri suka pula membandingkan keadaannya sendiri dengan jiran tetangganya yang kelihatan lebih makmur hidup mereka dan rumah mereka kelihatan lebih elok.

Rasa kurang puas itu kebanyakan timbul kerana si isteri tidak mendapat gambaran yang betul tentang keadaan mereka sendiri dan juga tentang kesanggupan suaminya sendiri dalam perjuangan hidup. Ada kalanya kerana suaminya tidak mahu

(bersambung ke muka 46)



Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra, Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, yang juga menjadi Yang Dipertua Agung Umno sedang berucap di Persidangan Agung Umno Singapura yang telah bersidang pada bulan yang lalu

### **Mustahaklah diselidiki**

Bagi menjayakan kehendak-kehendak itu tadi maka mustahaklah diadakan pemerksaan dan analisa di atas isi kandungan buku-buku yang berkenaan yang ada digunakan di sekolah-sekolah pada masa ini. Bahkan pemerksaan ini patut sangat dilakukan dari satu ke satu masa supaya buku-buku pelajaran itu sentiasa mengikuti proses perubahan dan kemajuan yang berlaku dan terjadi dalam negara-negara barat dan timur, serta mengandungi pendapat-pendapat baharu dan hal-hal baharu mengenai kejadian-kejadian sejarah. Pemerksaan yang semumpama ini boleh juga memberi

peluang untuk membaiki cara penerbitan buku-buku itu mengenai percetakan, hidangan dan kaedah-kaedah baharu dalam ilmu perguruan.

Dalam perkara menganalisa isi kandungan buku-buku itu pula patutlah dijalankan di atas dua segi – pertama dari segi banyaknya tempat atau muka surat atau penggal yang diuntukkan bagi sesebuah negeri asing. kedua dari segi mutu atau cara menyatakan hal sesebuah negeri asing itu kerana ada kalanya sebutan-sebutan pendek sahaja boleh memberi pengaruh yang lebih daripada rencana yang panjang, bergantunglah kepada cara mengarangnya.

Saya tiada dapat menerangkan dengan lebih lanjut mengenai kerja memperbaiki buku-buku pelajaran dalam masa yang terhad ini, akan tetapi adalah pendapat persidangan di Tokyo itu bahawa buku-buku pelajaran yang baik isi dan penerbitannya darihal negeri-negeri asing itu mengambil peranan yang penting bagi membaiki fahaman dan merapatkan muhibbah di antara negara-negara lain – baik yang hampir mahu pun yang jauh di seluruh dunia.

---

(sambungan dari muka 10)

berterus terang kepadanya, atau ada juga kerana si suami itu suka melebih-lebihkan cerita di rumah tentang keadaan dan kedudukannya di pejabat atau di tengah-tengah masyarakat.

Pada hal jika sekiranya si suami dari mulanya suka menyatakan keadaannya yan sebenar kepada isterinya dengan sejujur-jujurnya, bukan sahaja ia boleh mendapat rakan hidup yang akrab sekali dalam masa susah sukar, tetapi benih “tidak puas hati” yang tersebut tidak akan tumbuh.